



# UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

*The National University of Malaysia*

## PEKELILING BENDAHARI BIL. 14/2024

### PINDAAN SURAT IKATAN AMANAH (SIA) TABUNG AKAUN AKTIVITI PENJANAAN (AAP) UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

#### 1. TUJUAN

Tujuan pekeliling ini adalah untuk memaklumkan berkaitan penambahbaikan Surat Ikatan Amanah (SIA) Tabung Akaun Aktiviti Penjanaan (AAP) Pusat Tanggungjawab (PTj) Universiti Kebangsaan Malaysia.

#### 2. LATAR BELAKANG

- 2.1 AAP telah mula diwujudkan mulai tahun 2016. Tujuan tabung ini adalah untuk mengakaunkan segala aktiviti penjanaan yang tidak menggunakan peruntukan mengurus PTj serta berfungsi untuk mengakaunkan aktiviti, lebihan atau kurangan dari penjanaan.
- 2.2 Semua PTj adalah dibenarkan untuk mewujudkan subsidiari AAP masing-masing berdasarkan keperluan dan aktiviti penjanaan yang dijalankan tertakluk kepada kelulusan Jabatan Bendahari.
- 2.3 Penambahbaikan SIA AAP ini merangkumi perkara seperti berikut:-
  - a) Kuasa menubuhkan AAP subsidiari;
  - b) Kawal selia AAP subsidiari;
  - c) Perubahan keahlian jawatankuasa AAP berdasarkan jawatan pentadbiran yang disandang; dan
  - d) Had kuasa meluluskan perbelanjaan.

### **3. PANDUAN**

#### **3.1. TINDAKAN PTJ**

Berikut merupakan tindakan yang perlu diambil oleh PTJ bagi memenuhi keperluan pindaan SIA AAP Universiti:

- a) Menyemak maklumat (yang diwarnakan kuning) yang terdapat di dalam SIA AAP format baharu di dalam pada pautan Google Drive berikut: ([https://drive.google.com/drive/folders/1ruDLgmLsov\\_ejClm\\_dT6G7ky\\_nOVg5Vzk?usp=drive\\_link](https://drive.google.com/drive/folders/1ruDLgmLsov_ejClm_dT6G7ky_nOVg5Vzk?usp=drive_link))
- b) Memaklumkan kepada Bahagian Kewangan Korporat (CFD), Jabatan Bendahari sekiranya terdapat kesilapan.
- c) Menandatangani SIA oleh Pengerusi Akaun Amanah dan disaksikan oleh seorang saksi dalam format PDF. (Saksi yang dicadangkan adalah Ketua Pentadbiran PTJ).
- d) Mengemukakan SIA AAP Induk yang lengkap ditandatangan oleh Pengerusi dan Saksi kepada CFD, Jabatan Bendahari dengan memuat naik semula (upload) SIA ke dalam Google Drive yang disediakan.
- a) PTJ dikehendaki mengemukakan SIA yang lengkap sebelum **31 Disember 2024**. Kelewatan PTJ mengemukakan SIA yang lengkap mengakibatkan penguatkuasaan SIA bagi PTJ tersebut tidak dapat dilaksanakan sehingga Jabatan Bendahari menerima SIA yang lengkap.

#### **3.2. TINDAKAN JABATAN BENDAHARI**


Berikut adalah proses yang akan dilaksanakan oleh CFD, Jabatan Bendahari setelah menerima SIA AAP Induk yang lengkap ditandatangani:

- a) Menyemak SIA AAP Induk yang lengkap ditandatangan oleh PTJ;
- b) Menyelaras dokumen SIA AAP untuk ditandatangani oleh Bendahari dan Saksi bagi pihak Universiti; dan
- c) Memaklumkan kepada PTJ setelah selesai tindakan di **perkara 3.2 (b)**.

#### **4. PENGUATKUASAAN**

Penguatkuasaan SIA AAP ini adalah **mulai 1 Januari 2025** tertakluk kepada dokumentasi yang lengkap.

**Carta Alir Pindaan Surat Ikatan Amanah (SIA) Tabung Akaun Aktiviti  
Penjanaan (AAP) Universiti Kebangsaan Malaysia**

Tindakan	Proses	Keterangan
BEN		Mula Mengemukakan Draf Surat Ikatan Amanah (SIA) AAP
PTj		Menyemak maklumat yang terdapat di dalam SIA dan memaklumkan kepada Bahagian Kewangan Korporat (CFD), Jabatan Bendahari sekiranya terdapat kesilapan.
PTj		Menandatangani SIA oleh Pengerusi Akaun Amanah dan disaksikan oleh seorang saksi dalam format PDF
PTj		Mengemukakan SIA AAP Induk yang lengkap ditandatangan oleh Pengerusi dan Saksi
BEN		Menyelaras dokumen SIA AAP untuk ditandatangani oleh Bendahari dan Saksi
BEN		Memaklumkan kepada PTj